

Headline	TNB tingkat tenaga boleh diperbaharui		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	47
ArticleSize	823 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 48,798		



LOJI janakuasa TNB di manjung, Perak.

## TNB tingkat tenaga boleh diperbaharui

■ KUALA LUMPUR 12 NOV.

**K**EMENTERIAN Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) menyasar untuk meningkatkan saranan tenaga boleh diperbaharui bagi gabungan tenaga daripada dua peratus kepada 20 peratus bagi tempoh 2025 hingga 2030.

Ini menjadi petanda baik bagi industri bekalan elektrik (ESI), yang kini bergelut dengan peningkatan harga arang batu global memandangkan akhirnya, sasaran baharu ini mungkin membolehkan tarif ditetapkan pada kadar yang lebih stabil pada masa depan, menurut penganalisis.

Sebanyak 53 peratus daripada tenaga elektrik Malaysia dijana oleh arang batu, 42 peratus oleh gas asli dan bakinya oleh hidro dan tenaga boleh diperbaharui.

Harga semasa arang batu bergerak melebihi AS\$100 (RM417) satu tan, meningkat lebih 100 peratus selepas memecah paras terendah dalam tempoh 10 tahun pada 2016 (di bawah AS\$50 (RM218) satu tan).

Peningkatan sejak Julai lepas telah menjelaskan kos pen-



Permintaan arang batu bagi dua tahun akan datang dijangka kekal stabil pada sekitar paras semasa.

PAKAR EKONOMI TENAGA KANAN ABN AMRO HANS VAN CLEEF

janaan ESI kerana arang batu diimport 100 peratus, dengan lebih 60 peratus dibeli dari Indonesia dan bakinya dari Australia, Afrika Selatan dan Rusia.

"Permintaan arang batu bagi dua tahun akan datang dijangka kekal stabil pada sekitar paras semasa," kata Pakar Ekonomi Tenaga Kanan di ABN Amro, Hans van Cleef.

"Walaupun laporan berita menunjukkan bahawa permintaan arang batu akan meningkat dalam tempoh terdekat, namun realitinya permintaan itu kekal stabil bagi tahun-tahun akan datang," katanya.

Bagi menghadapi cabaran berkenaan, industri sebenarnya telah bersedia dengan mengambil langkah beberapa tahun ke hadapan menerusi kecekapan penjana tenaga yang lebih baik melalui loji janakuasa arang batu.

Semua loji janakuasa arang batu baharu kini menggunakan teknologi *ultra-supercritical* (USC) yang membakar arang batu dalam kuantiti yang lebih kecil namun menjana lebih tenaga, serta mematuhi piawai pelepasan.

Manjung 4 dengan 1,000 mW milik Tenaga Nasional Bhd., yang memulakan ope-

rasi pada 2015, merupakan loji janakuasa arang batu USC pertama di Asia Tenggara.

Ia boleh menghasilkan elektrik yang mencukupi untuk dua juta rumah dengan pengurangan tiga peratus penggunaan arang batu.

Melangkah ke hadapan, kerajaan telah menyediakan beberapa mekanisme untuk meningkatkan sumbangan tenaga boleh diperbaharui dalam penjana kuasa.

Ini termasuk Skim Pemeteran Tenaga Bersih (NEM), loji solar berskala besar (LSS), Skim Pembiayaan Sukuk Hijau dan mekanisme Tarif Galakan.

TNB, syarikat utiliti nasional komited untuk menyokong agenda tenaga boleh diperbaharui kerajaan.

Sebagai sebahagian daripada Pelan Strategik 10 tahunnya, TNB bercita-cita untuk menjadi peneraju ASEAN dalam sektor tenaga boleh diperbaharui ketika permintaan terhadap tenaga hijau melonjak.

Syarikat itu telah memulakan LSS terbesar di negara ini melalui projek 50 megawatt (mW) di Kuala Langat, Selangor dan beberapa usaha sama berkaitan stesen janakuasa biomas dan biogas.

Usaha terbaru TNB adalah melalui anak syarikat tenaga boleh diperbaharunya yang mana syarikat itu merancang untuk menawarkan pembiayaan pakej penjana sendiri bagi panel solar fotovoltaik (PV) kepada pelanggan kemudian menjelang akhir tahun ini.

Pakej terbabit telah ditawarkan kepada pelanggan komersial dan industri sebelum ini.

Tumpuan jangka pendek segera kerajaan adalah untuk meneroka projek yang boleh diperbaharui berskala besar yang berdaya maju di bawah tarif yang sama seperti loji berasaskan bahan api fosil.

Ini penting untuk mengekalkan harga yang rendah dalam memastikan kemampuan tarif elektrik.

Melalui dorongan yang kuat oleh MESTECC serta sokongan kukuh TNB dan industri, negara ini sedang bergerak dalam keadaan baik ke arah memenuhi janji kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau daripada KDNK sebanyak 45 peratus menjelang 2030. -BERNAMA